



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 9 OGOS 2024 (JUMAAT)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	HARIAN METRO	• MBSJ ROBOH 2 GARAJ HARAM, LEBIH BANYAK STRUKTUR HARAM DALAM PERHATIAN

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	HARIAN METRO	• MBSJ ROBOH 2 GARAJ HARAM, LEBIH BANYAK STRUKTUR HARAM DALAM PERHATIAN

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBDK DBKL	• MBDK TAKES DOWN 6,162 ILLEGAL ADS, REFERS 29 PHONE NUMBERS TO MCMC • KEPONG RESIDENTS UNABLE TO ACCESS PUBLIC CLEANING SERVICES FOR 15 YEARS • PRESERVING KL'S CRUMBLING HERITAGE

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• MAKING CHILDCARE MORE ACCESSIBLE • NO EXCUSE FOR TAKING BRIBES • LONG COVID IS REAL AND DEFINED
2.	SINAR HARIAN	• AKTA PENDANAAN POLITIK HAPUSKAN EKOSISTEM RASUAH • RM10.49 BILION UNTUK INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR • GLIC, GLC PASTIKAN PEKERJA TERIMA GAJI WAJAR RM3,100 • TH SAMBUT BAIK INISIATIF PERKASA EKONOMI MADANI • PKNS LANCAR PROJEK SA SENTRAL BULAN DEPAN • RUMAH MAMPU MILIK : REHDA HARAP LEBIH BANYAK PENYELESAIAN BERSASAR
3.	HARIAN METRO	• RUMAH MADANI DALAM BANDAR
4.	KOSMO	• PLUS TUNAI ZAKAT PERNIAGAAN RM2 JUTA DI SELANGOR • SELANGOR 'LUBUK EMAS' WARGA ASING
5.	BERITA HARIAN	• PEKERJA WAJAR TAMPILKAN INOVASI, KREATIVITI • JPKK SEDIA LAPORAN PEKERJA SOKONGAN DIEKSPLOITASI • SEDIA TANGANI ANCAMAN TEKNOLOGI KOMPUTER KUANTUM • KSB BERSAMA PENJAWAT AWAM REALISASI REFORMASI EKONOMI, INSTITUSI • INISIATIF JADI PEMANGKIN INDUSTRI BERNILAI TINGGI • GAJI PERMULAAN SEKTOR SWASTA IKUT DASAR GAJO PROGRESIF • SPRM TERIMA 70 PERATUS ADUAN BABIT PEROLEHAN AWAM • RM10.49b BANGUN INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR • LEBIH 7,600 TEMPAT LETAK KERETA DISEDIAKAN DI DATARAN PUTRAJAYA
6.	UTUSAN MALAYSIA	• SEWA RUMAH, BILIK DI SELANGOR MENINGKAT • WUJUDKAN BADAN AMANAH PERUMAHAN MAMPU MILIK • TH KOMITED INISITIF REFORMASI SYARIKAT DALAM EKONOMI MADANI • PUSAT BANDAR SEKSYEN 14 SHAH ALAM 'DIREMAJAKAN'
7.	NEW STRAITS TIMES	• RTD TO REPLACE AWAS CAMERAS IN PHASES • RM10.49b SPENT ON DEVELOPING RURAL INFRASTRUCTURE SINCE 2020 • EARTH CHOKING WITH WASTE

MBSJ roboh 2 garaj haram, lebih banyak struktur haram dalam perhatian

Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my



Garaj yang dibina secara haram oleh pemilik dua buah rumah di Taman Bukit Serdang telah diroboh oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) hari ini.

Seri Kembangan: Keengganan pemilik dua rumah di Taman Bukit Serdang, di sini, untuk merobohkan sendiri garaj haram yang mampu memuatkan lima kereta memaksa Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) merobohnya, hari ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ Azfarizal Abdul Rashid berkata, pihaknya sudah mengeluarkan tiga notis kepada kedua-dua pemilik rumah untuk merobohkan sendiri garaj yang dibina secara haram itu.

"Di bawah Seksyen 70, Akta 133 (Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974), tidak dibenarkan apa-apa struktur dibina atas kawasan tanah awam tanpa kebenaran.

"Untuk kes ini, kami sudah beberapa kali memberikan notis kepada pemilik supaya meruntuhkan binaan terbit sendiri.

"Selepas beberapa kali kita ingatkan namun tiada tindakan dibuat, kita ambil tindakan hari ini dengan merobohkan struktur terbit dan memulihkannya kepada keadaan asal," katanya kepada media selepas Operasi Tindakan Bersepadu Peruntukan Struktur Binaan Garaj berkenaan.

Mengulas lanjut, Azfarizal berkata, sejak Januari hingga Julai tahun ini, 56 notis meruntuh dan meroboh bangunan di atas tanah kerajaan atau rizab jalan sudah dilaksanakan pihaknya.

Daripada jumlah itu, katanya, struktur pembinaan garaj kereta adalah yang tertinggi dibina secara haram iaitu 36 kes, pondok pengawal (tujuh), struktur halangan di atas kaki lima (enam), tokong atau kuil (tiga), kabin atau kontena (dua), gerai dan bangsal masing-masing satu kes.

Beliau turut mengingatkan penduduk supaya tidak sewenang-wenangnya mendirikan apa-apa struktur di atas tanah awam.

Dalam pada itu, menyentuh sikap penduduk yang membuat tambahan rumah atau bangunan, Azfarizal berkata, perkara itu juga adalah satu kesalahan.

"Mendirikan apa-apa struktur bukan di kawasan milik sendiri adalah satu kesalahan.

"Untuk melakukan ubah suai rumah atau bangunan, perlu mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan," katanya.

HARIAN METRO ONLINE

TARIKH: 09 OGOS 2024

4M 9/8

Seri Kembangan: Keeng-ganan pemilik dua rumah di Taman Bukit Serdang di sini, untuk merobohkan sendiri garaj haram yang mampu memuatkan lima kereta memaksa Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) merobohnya, se-malam.

Timbalan Pengarah Ja-batan Korporat dan Pengu-rusan Strategik MBSJ Azfa-rizal Abdul Rashid berkata, pihaknya sudah menge-luarkan tiga notis kepada kedua-dua pemilik rumah untuk merobohkan sendiri garaj yang dibina secara haram itu.

"Di bawah Seksyen 70, Akta 133 (Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974), tidak dibenarkan apa-apa struk-tur dibina atas kawasan ta-nah awam tanpa kebena-ran.

"Untuk kes ini, kami su-dah beberapa kali mem-berikan notis kepada pe-

milik supaya meruntuh-kan binaan terbabit sen-diri.

"Selepas beberapa kali kita ingatkan namun tiada tindakan dibuat, kita ambil tindakan hari ini (sema-lam) dengan merobohkan struktur terbabit dan me-mulihkannya kepada kea-daan asal," katanya kepada media selepas Operasi Tin-dakan Bersepadu Peruntu-han Struktur Binaan Garaj berkenaan.

Mengulas lanjut, Azfari-zal berkata, sejak Januari hingga Julai tahun ini, 56 notis meruntuh dan me-roboh bangunan di atas ta-nah kerajaan atau rizab ja-lan sudah dilaksanakan pi-haknya.

Daripada jumlah itu, ka-tanya, struktur pembinaan garaj kereta adalah yang

MBSJ bertindak roboh 2 garaj haram

GARAJ yang dibina secara haram oleh pemilik dua rumah di Taman Bukit Serdang telah diroboh MBSJ.



tertinggi dibina secara ha-ram iaitu 36 kes, pondok pengawal (tujuh), struktur halangan di atas kaki lima (enam), tokong atau kuil (tiga), kabin atau kontena (dua), gerai dan bangsal masing-masing satu kes.

Beliau turut mengingat-kan penduduk supaya ti-dak sewenang-wenangnya mendirikan apa-apa struk-tur di atas tanah awam.

Dalam pada itu, me-nyentuh sikap penduduk yang membuat tambahan rumah atau bangunan, Azfarizal berkata, perkara itu juga adalah satu ke-salahan.

"Mendirikan apa-apa struktur bukan di kawasan milik sendiri adalah satu kesalahan.

"Untuk melakukan ubah suai rumah atau bangu-nan, perlu mendapat ke-benaran daripada pihak berkuasa tempatan," kata-nya.

HARIAN METRO
Tarikh: 09 AUG 2024

P&P

PEMAH DAN PEMILIK



RUMAH MADANI DALAM BANDAR

11m
9/8
①

DBKL diarah sedia blok Madani bagi setiap projek pembangunan perumahan baharu untuk B40, M40

FOKUS

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@mediaprima.com.my

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya Jabatan Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan blok rumah Madani bagi setiap projek pembangunan perumahan baharu untuk golongan B40 dan M40 sebagai syarat bagi kelulusan permohonan pembangunan dipercepatkan.

Ketika berucap pada pelancaran Perumahan Penjawat Awam Malaysia MADANI (PPAM MADANI) di ibu negara, Selasa lalu,

DBKL dan Jabatan Wilayah Persekutuan diarahkan untuk menyediakan blok rumah MADANI bagi setiap projek pembangunan perumahan baharu untuk golongan B40 dan M40.



Anwar berkata, arahan itu susulan permintaan untuk membeli kediaman di sekitar ibu kota adalah sangat tinggi sehingga mencecah puluhan ribu permohonan.

Mengulas mengenainya, Pensyarah Kanan Perancang Bandar dan Wilayah, Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohammad Mujaheed Hassan berkata, ia adalah langkah pragmatik dan tegas selain dapat mempercepatkan penyediaan perumahan yang sangat diperlukan terutamanya di kawasan bandar utama seperti

Kuala Lumpur.

"Langkah itu jelas menunjukkan komitmen jitu kerajaan dalam memastikan penyediaan perumahan mampu milik bagi golongan B40 dan M40.

"Bagaimanapun, pemantauan yang teliti perlu dilakukan untuk memastikan pemaju benar-benar memenuhi syarat ini tanpa menjejaskan kualiti dan keselamatan," katanya kepada Harian Metro.

Menurut Dr Mohammad Mujaheed, adalah penting bagi projek rumah MADANI menyesuaikan harga dan spesifikasi perumahan supaya ia selaras dengan keperluan sebenar

HARIAN METRO
Tarikh: 09 AUG 2024

hm 9/8
②

golongan sasaran.

Ia termasuklah mempertimbangkan kemudahan-kemudahan seperti akses kepada pengangkutan awam, kedai runcit, sekolah, dan pusat kesihatan yang dapat meningkatkan kualiti hidup penghuni.

Selain itu, projek perumahan berkenaan juga perlu dibangunkan di lokasi yang strategik untuk memastikan bahawa penduduk dapat mengakses peluang pekerjaan, pendidikan, dan perkhidmatan penting lain dengan mudah.

Tegas beliau lagi, projek rumah MADANI juga perlu memberikan perhatian kepada aspek keselesaan dan keselamatan penghuni.

"Misalnya, penyediaan kemudahan seperti taman rekreasi, kawasan permainan kanak-kanak dan ruang komuniti dapat membantu membina suasana perumahan yang kondusif dan harmoni.

"Selain itu, pembinaan infrastruktur asas seperti jalan raya yang baik, sistem saliran yang efisien dan bekalan utiliti yang mencukupi adalah kritikal untuk memastikan kesejahteraan penduduk.

"Dengan memastikan projek perumahan MADANI memenuhi kriteria-kriteria ini, ia bukan sahaja dapat menarik minat pembeli dari kalangan golongan B40 dan M40 tetapi juga membantu mengatasi masalah rumah tidak



DR Mohammad Majaheed

terjual," katanya.

Beliau turut menyarankan langkah itu juga wajar dicontohi dan dikaji mengikut kesesuaian negeri-negeri lain terutamanya di bandar-bandar utama yang turut menghadapi masalah perumahan yang sama.

Setiap negeri, terutamanya yang memiliki kawasan yang pesat membangun, di mana terdapat keperluan untuk memastikan penyediaan perumahan mampu milik supaya golongan B40 dan M40 tidak terpinggir.

Inisiatif itu kata beliau, penting untuk mengekalkan keseimbangan demografi, mencegah gentrifikasi dan memastikan penyertaan semua golongan dalam pembangunan bandar.

Katanya, aspek pelaksanaannya perlu disesuaikan dengan keperluan dan konteks setempat, termasuk aspek seperti kos tanah, kos pembinaan dan keperluan penduduk tempatan serta mengekalkan keseimbangan sosial di

kawasan bandar.

"Langkah ini juga penting untuk mencegah gentrifikasi iaitu proses di mana kawasan bandar diperbaharui dan dinaik taraf sehingga penduduk asal, terutamanya yang berpendapatan rendah, tidak lagi mampu tinggal di situ. "Gentrifikasi boleh menyebabkan percampuran demografi yang tidak seimbang dan meminggirkan golongan tertentu, justeru dengan menyediakan perumahan mampu milik di kawasan bandar, kerajaan dapat memastikan bahawa

semua golongan masyarakat, tanpa mengira latar belakang ekonomi, dapat terus tinggal dan menikmati kemudahan di kawasan terbabit," katanya yang turut menyarankan keperluan penduduk setempat, seperti akses kepada pekerjaan, pendidikan, dan kemudahan asas, juga perlu dipertimbangkan.

Kata Mohammad Majaheed, akses kepada pengangkutan awam yang efisien dan menyeluruh.

Sementara itu, Mohammad Majaheed

berkata, dari segi harga, rumah MADANI juga perlu ditetapkan secara realistik dan berpatutan untuk memberi manfaat kepada golongan sasaran.

Katanya, harga seunit rumah yang dicadangkan antara RM200,000 hingga RM300,000 mengikut saiz rumah, yang bermula dari 750 kaki persegi hingga 1200 kaki persegi atau mengikut perbezaan dalam kemasan, namun tetap mengekalkan kualiti yang sewajarnya.

"Dalam hal ini, program perumahan PRIMA, rumah

SelangorKu dan RUMAWIP boleh dijadikan rujukan atau penanda aras.

"Penetapan harga itu juga perlu disertai dengan skim pembiayaan yang fleksibel seperti pinjaman dengan kadar faedah rendah atau skim sewa beli untuk membantu mereka yang mungkin tidak layak mendapat pinjaman perumahan konvensional.

"Selain itu, subsidi atau insentif tambahan boleh diperkenalkan untuk meringankan beban kewangan pembeli rumah pertama," katanya.



ANWAR melihat replika rumah Penjawat Awam Malaysia MADANI selepas menyempurnakan majlis pelancaran projek perumahan itu di Bandar Sri Permaisuri, Selasa lalu.

MBDK takes down 6,162 illegal ads, refers 29 phone numbers to MCMC

Story and photo by
EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

KLANG Royal City Council (MBDK) has removed 6,162 illegal banners and bunting in public areas such as trees, lamp posts, traffic lights and road signs up to July this year.

MBDK enforcement chief Andry Arman Masrom said most of the illegal advertisements were on property rental, transport rental, household renovations and moneylending services.

"Out of the 6,162 illegal advertisements, 2,495 were unlicensed moneylenders or 'Ah Long' posters where 29 phone numbers have been referred to the Malaysia Communications and Multimedia Commission (MCMC).

"MBDK has an Illegal Advertisement Unit with a team of six that goes out every day to remove unlicensed advertisements," he said after an operation to remove illegal bunting at Jalan Jambu Bol and Jalan Mengkuang off Jalan Teluk Pulai.

Andry said MCMC can terminate the numbers of Ah Long printed on the advertisements under Section 263 (2) of the Communications and Multimedia Act 1998.

He said these illegal advertisements mar the royal city's image and damage trees.

"When a report is made of illegal advertisements, our team would respond within an hour or two," Andry said.

He added that last year, the council removed 32,465 illegal

banners and bunting, including 13,582 loan shark related advertisements where 99 phone numbers were referred to MCMC.

Andry said the council had issued compounds to 448 businesses in relation to illegal advertisements up to July, compared to 551 last year for the same offence.

"The Advertisement By-law 2007 states that no person may erect any advertising sign or banner without prior written approval of MBDK.

"Owners of illegal advertisements could also be compounded up to RM1,000," he said.

Andry added that flagrant disregard for the council's by-law also placed motorists at risk.

"Bunting tied on poles at traffic intersections obstruct their view," he said.



MBDK enforcement officer Alim Othman showing some of the illegal advertisements removed from public areas at the council's yard in Klang.

THE STAR

09 AUG 2024

tarikh:.....

Kepong residents unable to access public cleaning services for 15 years

By CY LEE
chenyoong@thestar.com.my

RESIDENTS of Fadason Villa in Kepong, Kuala Lumpur may finally be able to access public cleaning services they have been missing out on for 15 years.

They were told that the situation would be looked into after a meeting with Kuala Lumpur City Hall (DBKL) Health and

Environment Department officers.

Community activist Yee Poh Ping, who raised the matter with DBKL, said although household waste was being collected in the area, the service did not include drain cleaning or grass cutting.

"It is possible that residents were not aware that maintenance was also supposed to be carried out by DBKL con-

tractors," Yee said.

He added that questions arose on whether Fadason Villa was entitled to such services as many believed it was a gated and guarded neighbourhood.

However, as they were not strata properties, Yee said residents were in fact entitled to DBKL's cleaning services.

A source said that once residents put in a request for such services, DBKL would investi-

gate the matter first.

Following this, it could take up to six months before the budget was allocated and cleaning starts.

Fadason Park Terrace House Residents Association chairman RS Ratnaselvam said although the 299-unit residential area had a guard post and was fenced up, it was not developed as a gated and guarded scheme.

"We believe that there was

some technical issue with the handover from the developer to the authorities."

He noted that while the RA had been doing its best to clean the drains, there was only so much that could be done without proper equipment.

Ratnaselvam added that the association has been paying RM3,000 a month for the past 15 years to maintain the neighbourhood.

THE STAR

09 AUG 2024

Tarikh:.....

Preserving KL's crumbling heritage

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

Execution of plan expected to be ready in time for Visit M'sia 2026

PLANS to ensure the preservation of Kuala Lumpur's heritage buildings, some of which are in poor condition, are being drawn up, says Dr Zaliha Mustafa.

The Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) said the execution of the plan, which was being prepared by ThinkCity, would hopefully be ready in time for Visit Malaysia 2026.

"As co-chair of the Kuala Lumpur Creative and Cultural District (KLCCD) committee, we are working closely with various agencies.

"The overall planning is being done by ThinkCity, and Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is collaborating to make it happen," she said when asked to comment on the state of heritage buildings in the Jalan Raja precinct.

On Feb 26, *StarMetro* in its report, "Stopping the rot in Jalan Raja" had highlighted the poor condition of several iconic buildings along the road.

KLCCD is the flagship project based on a strategic master plan that was drafted by ThinkCity, DBKL and National Heritage Department (JWN) in 2019 to develop the heritage core of Kuala Lumpur.

Dr Zaliha was speaking after the soft launch of the proposed new site for the Sustainable Development Goals (SDG) Centre Kuala Lumpur in Jalan Raja.

The new centre is to be re-



Dr Zaliha (in pink headscarf) with Kamarulzaman on her right visiting the proposed new site for the SDG Centre at the KL City Gallery building along Jalan Raja. — AZLINA ABDULLAH/The Star

cated from its current site at the Kuala Lumpur Library to the KL City Gallery building nearby.

The relocation is part of efforts by DBKL and Urbanise Malaysia, which is under the Housing and Local Government Ministry, to expand the functions and space of the existing centre, Dr Zaliha said.

"As the first such centre in the Asia Pacific region, the new space will not only increase the exhibition area but also help

support efforts to localise the SDGs."

Dr Zaliha said the KL City Gallery building would take about three or four years to be restored.

"There is no specific budget yet as it would depend on a study that will be done by conservators.

"As it is classified as a Category 1 Heritage Building, we are working with JWN to preserve the architectural features."

She said a dilapidation study had been undertaken by certified conservators who identified 142 defects in the property.

A conservation management plan will be drawn up before works are carried out.

The KL City Gallery building was designed by Arthur Charles Norman and originally constructed in 1898 to house the British administration's printing office.

Over the years, it has been

occupied by different government agencies and departments.

In 1986, DBKL bought the building for more than RM3mil and turned it into the first public library in Kuala Lumpur.

It became the KL City Gallery in 2012 and was also home to DBKL's Tourism Unit.

But it has been empty since early March.

Also present at the event was Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh.

THE STAR

09 AUG 2024

Tarikh:.....

Making childcare more accessible

Regulating home-based providers the way forward for affordable daycare services

By RAGANANTHINI VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: Licensing home-based childcare providers could make daycare more accessible and ensure children's safety.

Childline Foundation executive director Datin Wong Poai Hong said setting up childcare centres could be costly as it involved staffing, licensing and rental or purchase of the premises.

The charges, she said, could go up to RM700 to RM800 per child for providers to cover their cost.

"So, if you want affordable and accessible childcare, it is important to empower home-based pro-

viders who are already babysitting.

"Train them via a short course, especially for home-based childcare," said Wong, who added that home-based childcare providers were currently not required to be licensed unless the Child Care Centre Act 1984 is amended.

"We have requested for regulations to be enacted, especially for home-based care centres, to enable providers to be registered with the Social Welfare Department.

"We have to find a solution on how we can license these providers and make sure they comply with certain minimum standards," she added.

Wong also said childcare centres should have a child protection policy outlining what the staff could and could not do when handling children, adding that it should involve processes related to abuse and how to detect it, how to communicate with children and how to screen staff members.

"CCTV is not the answer because abuse could take place at a blind spot. It is important to instil professionalism in childcare providers by giving them training on child rights and protection."

Wong also noted that it was important for childcare providers to be given more training in handling children under the age of

four as these were vital formative years.

Early Childhood Care and Education Council Malaysia founding president Datuk Dr Chiam Heng Keng said all childcare providers, regardless of whether they provide the service at their homes or at registered childcare centres, should be well-trained so that they had the essential knowledge and competency to ensure the children's well-being and prevent maltreatment such as hitting, shouting or screaming, and discriminating against children.

"Abuse is not just (confined to) physical abuse. Cognitive, social and emotional abuse can be more

devastating and have lifelong (effects) than physical abuse."

For instance, she said, shouting at or scolding children for a mistake that was done without them knowing it was wrong could have a damaging impact.

"The adult may think that children know what to do but in reality, they do not."

"Therefore, what is of great importance is knowledge of child development, ways of guiding young children, communication skills, ethics and professionalism."

"These five (elements) are core components of the training of early childhood educators and are not add-ons," she said.

THE STAR

Tarikh: 09 AUG 2024

No excuse for taking bribes

Deputy IGP: Don't blame non-Muslims for corruption

PETALING JAYA: A true Muslim with strong faith will not take bribes or turn corruption into a racial issue, says Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay (pic).

The Deputy Inspector-General of Police said that despite corruption being widely condemned in the Quran, many of those caught receiving bribes were Muslims and it was turned into a racial issue by some.

"If we are true Muslims, if we have strong faith, we will not take bribes and we will not blame others."

"No need to blame non-Muslims," Ayob Khan said in a video posted on Facebook on Wednesday.

He added that instead of pointing fingers, officers should lodge reports with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) if they were offered bribes.

"These people are twisting the news to dispute the actions taken by the MACC or government agencies," he said.

He called out those who accepted bribes as the "most heinous" individuals.

"They think there's nothing wrong with taking bribes because many people take bribes."

"They are the most heinous



individuals," he added.

Ayob Khan said that to curb corruption effectively, it is important to catch higher-ups who are taking bribes.

"If we allow higher-ups who encourage bribes, then their subordinates will rampantly take bribes," he said.

He also said corruption has replaced drugs as the No.1 enemy of the nation.

"Narcotics used to be our No.1 enemy from 1983 to 2024. It has been years, but we are still unsuccessful. Now, corruption is our No.1 enemy," he added.

Ayob Khan said it is important to appoint a leader who is against corruption to ensure the culture of taking bribes can be eradicated.

"If you are taking bribes, you should also apologise to all Malaysians," he said.

In 2022, PAS president Tan Sri Abdul Hadi Awang said the root cause of corruption in the country was the influence non-Malays wielded over the economy and politics.

He said this had allowed non-Malays to dictate terms to the Malays, which in turn made the Malays become corrupted and entangled in financial scandals.

THE STAR

Tarikh: 09 AUG 2024

Long Covid is real and defined

New guidelines by Nasem aim to standardise diagnosis

By RAGANANTHINI VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: Long Covid was finally defined after health practitioners worldwide spent years after the pandemic uncovering its traits by studying patients with the condition.

According to a recently released Washington-based National Academies of Sciences, Engineering and Medicine (Nasem) report, Long Covid is an infection-associated chronic condition that occurs after a SARS-CoV-2 infection.

The infection is present for at least three months either continuously, relapses and remits or progresses and affects one or more organ systems.

Nasem called on state and local authorities, clinicians, medical societies and organisations, public health practitioners, employers and educators to adopt the new definition for Long Covid.

"While several working definitions exist, no common definition for Long Covid has been agreed upon. The lack of a consensus definition presents challenges for patients, clinicians, public health practitioners, researchers and policymakers," Nasem said.

For patients, varying presentations of the disease and competing definitions can lead to difficulties accessing medical care or obtaining support, scepticism and dismissal of their experiences, delayed or denied treatment and social stigma," it added.

Gordon and Betty Moore

Foundation president Harvey Fineberg and the authoring committee chair said the lack of definition for Long Covid has hampered research and delayed diagnosis and care for patients.

Long Covid manifests in multiple ways, Nasem said, adding that any organ in the system could be involved.

This could include single or multiple symptoms, such as shortness of breath, cough, persistent fatigue, post-exertional malaise, difficulty concentrating, memory changes, recurring headache, lightheadedness, fast heart rate, sleep disturbance, problems with taste or smell, bloating, constipation and diarrhoea.

Single or multiple diagnosable conditions are also possible.

These include interstitial lung disease and hypoxemia, cardiovascular disease and arrhythmias, cognitive impairment, mood disorders, anxiety, migraine, stroke, blood clots, chronic kidney disease, postural orthostatic tachycardia syndrome and other forms of dysautonomia.

Other conditions include myalgic encephalomyelitis or chronic fatigue syndrome, mast cell activation syndrome, fibromyalgia, connective tissue diseases, hyperlipidemia, diabetes and autoimmune disorders such as lupus, rheumatoid arthritis and Sjogren's syndrome.

Based on the report, Long Covid can follow an asymptomatic, mild or severe SARS-CoV-2 infection and previous infections that may have been recognised

Definition of Long Covid

Acute SARS-CoV-2 Infection
Infection (recognised or unrecognised) may be asymptomatic, mild or severe.

Common symptoms

Can be mild to severe

- > Post-exertional malaise
- > Persistent fatigue
- > Difficulty concentrating
- > Memory changes
- > Recurring headaches
- > Lightheadedness
- > Fast heart rate
- > Sleep disturbance
- > Shortness of breath and cough
- > Problems with taste
- > Problems with smell
- > Bloating, constipation or diarrhoea

Diagnosable conditions

New or worsening of pre-existing conditions

- > Cardiovascular disease
- > Arrhythmias
- > Blood clots

- > Cognitive impairment
- > Migraine
- > Stroke
- > Mood disorders
- > Interstitial lung disease
- > Hypoxemia

- > Chronic kidney disease

- > Postural orthostatic tachycardia syndrome and other forms of dysautonomia
- > Mast cell activation syndrome
- > Hyperlipidemia and diabetes

- > Myalgic encephalomyelitis - chronic fatigue syndrome
- > Lupus, Sjogren's syndrome, rheumatoid arthritis and other connective tissue diseases or autoimmune disorders

Important features

- Long Covid can affect children and adults, regardless of health, disability, socio-economic status, age, sex, gender, sexual orientation, race, ethnicity or geographical location.

- Long Covid can be diagnosed on clinical grounds. No biomarker currently available to demonstrate conclusively the presence of Long Covid.

- Long Covid can impair patients' ability to work, attend school and care for themselves. It can have a profound emotional and physical effect on patients, families and caregivers.

Diagnosable when symptoms or conditions are intermittently or continuously present for at least three months

- Can be continuous from acute infection or delayed in onset

Source: New England Journal of Medicine

The Stargraphics

or unrecognised.

It can be continuous from the time of acute infection or can be delayed in onset for weeks or months following what had appeared to be a full recovery from acute infection.

The condition can range from mild to severe and can resolve over a period of months or persist for months or years, the report said.

It can affect children and adults and exacerbate pre-existing health conditions or present

new conditions.

"Long Covid can be diagnosed on clinical grounds.

"No biomarker currently available demonstrates conclusively the presence of Long Covid," the report stated.

"Long Covid can impair individuals' ability to work, attend school, take care of family, and care for themselves.

"It can have a profound emotional and physical impact on patients and their families and caregivers."

Defining Long Covid could ease insurance process

PETALING JAYA: Now that the definition of Long Covid has been established, it may be easier for medical practitioners to carry out clinical practices and research.

Assoc Prof Dr Tan Toh Leong said the standardised definition would allow researchers to investigate the disease further.

He said it could also ease the insurance claims process if Long Covid is covered by policies as well as for the issuance of medical certificates to justify why a patient is unable to work.

It will also allow the government to determine budget allocations for hospitals, he said.

However, the Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia Emergency Medicine senior consultant said that there is a flipside to defining the condition.

"It is too specific. Patients could be misdiagnosed or overdiagnosed for other diseases which display similar symptoms that jeopardise the management of other diseases," he said.

Assoc Prof Tan, who has handled Covid-19 cases, said Long Covid symptoms are similar to post-sepsis syndrome.

Post-sepsis syndrome refers to the continuing display of physical and emotional symptoms after recovering from sepsis.

He said diseases with similar symptoms to Long Covid such as malaria, dengue and influenza could be placed under a single umbrella to make clinical management decisions and insurance claims easier.

Meanwhile, former health deputy director-general Datuk Dr Christopher Lee took to his X account to say that the National Academies of Sciences, Engineering and Medicine (Nasem) 2024 definition presented a core description, a list of characteristic symptoms and associated diagnosable conditions and seven

THE STAR

Tarikh 09 AUG 2024

Akta Pendanaan Politik hapuskan ekosistem rasuah

SHAH ALAM - Kerajaan perlu segera menggubal Akta Pendanaan Politik bagi meningkatkan kepercayaan orang awam selain menghapuskan ekosistem rasuah dan salah guna kuasa dari peringkat akar umbi.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Muhammad Dzul Aiman Zulkefly berkata, akta tersebut perlu segera diperkasakan bagi memastikan setiap dana diterima bebas daripada pengaruh kewangan yang diragui sumbernya.

Menurutnya, perkara itu akan memberi kesan positif terhadap tata kelola negara selain pentadbiran yang lebih telus.

"Akta ini secara tidak langsung dapat menghalang beberapa pihak tertentu seperti ahli korporat dan individu yang berkuasa daripada mempengaruhi keputusan parti politik.

"Perkara ini secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap kepercayaan orang awam terhadap institusi pentadbiran apabila mereka bersikap jujur mengenai kewangan yang diperolehi.

"Undang-undang ini juga dapat meningkatkan tahap akauntabiliti dan me-



**MUHAMMAD DZUL
AIMAN**

mastikan dana yang digunakan itu untuk tujuan yang sah serta tidak disalahgunakan," katanya.

Sebelum ini, dapatan kuiz Pantau Dana Politik mendedahkan sebanyak 73.9 peratus responden bersetuju parti politik perlu lebih telus mengenai sumber dana, sekali gus membuktikan sokongan awam yang kuat terhadap pendanaan politik.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), Dr

Tricia Yeoh berkata, hasil dapatan kuiz yang dibentangkan pada Disember 2013

itu merupakan usaha dalam mengukur pemahaman awam mengenai keperluan mendesak untuk menggubal akta pendanaan politik di negara ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Dzul Aiman berkata, kerajaan perlu meningkatkan sistem pengurusan kewangan elektronik bagi memantau aliran kewangan bagi mengesan ketirisan dari peringkat awal.

Katanya, pemantauan awal menutup peluang ahli atau parti politik daripada menerima sumbangan mencurigakan.

SINAR HARIAN

Tarikh:0.9...AUG...2024...

RM10.49 bilion untuk infrastruktur luar bandar

PUTRAJAYA - Kerajaan telah melabur sebanyak RM10.49 bilion untuk membangunkan infrastruktur luar bandar termasuk jalan raya, bekalan elektrik, air dan kemudahan sosial di kampung Orang Asli dan kawasan pedalaman dari 2020 hingga Jun tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, pelaburan besar ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kemajuan komuniti luar bandar.

"Infrastruktur yang berkualiti tinggi dapat menarik pelaburan, menjana peluang pekerjaan dan menggalakkan amalan pertanian mampan.

"Dengan memberi keutamaan kepada pembangunan infrastruktur luar bandar, kita meletakkan asas bagi pertumbuhan inklusif dan pengurangan kemiskinan," katanya dalam ucapan perasmian

Simposium Perancangan dan Pembangunan Desa Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 di sini pada Khamis.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, beliau menyedari kepentingan pembangunan infrastruktur luar bandar untuk memajukan sosioekonomi sesebuah negara.

"Infrastruktur yang lebih baik memudahkan akses kepada pasaran, membolehkan petani menjual produk mereka dengan lebih cekap dan mendapatkan harga yang lebih baik.

"Penjagaan kesihatan dan kemudahan pendidikan yang dipertingkatkan meningkatkan kualiti hidup, mengurangkan migrasi dari luar bandar ke bandar dan membolehkan penduduk luar bandar menyumbang dengan lebih berkesan kepada ekonomi," katanya. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh:0.9.AUG.2024

GLIC, GLC pastikan pekerja terima gaji wajar RM3,100

SHAH ALAM - Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) memastikan pekerja mereka menerima gaji wajar sebanyak RM3,100 dan menyelaraskan penanda aras pendapatan pada masa hadapan menerusi laporan tahunan Belanjawanku oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Kementerian Kewangan (MOF) berkata, ia merupakan antara komitmen GLIC dan GLC dalam memberi impak bagi meningkatkan kehidupan pekerja di organisasi serta ekosistem masing-masing, termasuk dalam syarikat-syarikat pelaburan mereka.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Kewangan, komitmen GLIC dan GLC itu melangkaui pelaburan modal mereka.

"GLIC ini juga bertekad untuk me-

ngkalkan usaha sedia ada dalam memastikan peluang saksama melalui perwakilan gender di tempat kerja, program-program latihan peningkatan kemahiran dan kemahiran semula secara bersasar.

"Ia juga merangkumi peningkatan kemahiran terutamanya bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan sokongan komuniti secara holistik melalui inisiatif-inisiatif kebertanggungjawaban korporat yang lebih bersepadu serta secara lebih teratur, seperti kerjasama dengan kerajaan dalam program Kampung Angkat Madani untuk menjayakan intervensi sosioekonomi bagi melengkapkan sokongan Kerajaan dalam pembekalan prasarana asas," kata kenyataan tersebut pada Khamis.

Menurut kenyataan itu, Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) juga akan diperkasakan sebagai dana khazanah an-



GLIC dan GLIC akan menyelaraskan penanda aras pendapatan pada masa hadapan.

tara generasi negara.

Ujarnya, usaha itu turut melibatkan sumber-sumber sumbangan baharu, garis panduan penggunaan yang disemak semula dan mandat pelaburan yang diperkuatkan untuk memastikan kemampanan

dan pemeliharaan kekayaan bagi generasi-generasi rakyat mendatang.

"Saliz dana semasa KWAN yang ditadbir oleh Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988, adalah berjumlah kira-kira RM20 bilion," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:0.9...AUG...2024...

TH sambut baik inisiatif perkasa ekonomi Madani

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (TH) menyahut tanggungjawab untuk menerajui serta memperluas peranan perbankan Islam dalam menyalurkan bantuan lebih teratur kepada golongan memerlukan.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Syed Hamadah Syed Othman berkata, selaku organisasi pengurusan simpanan patuh syariah bagi tujuan haji, TH beriltizam untuk mengukuhkan kelestarian impak sosial negara menerusi instrumen kewangan Islam.

Menurutnya, sejak penubuhan lebih enam dekad lalu, TH telah menyalurkan zakat berjumlah RM1.37 bilion kepada Majlis Agama Islam negeri-negeri untuk diagihkan kepada golongan asnaf.

"Secara keseluruhannya, lebih daripada 1.6 juta asnaf telah menerima manfaat daripada Program Zakat Wakalah TH.

"Sebagai contoh pada 2023, di bawah program 'pembelajaran', TH telah menyalurkan RM10 juta kepada pelajar asnaf di pelbagai rangkaian universiti awam bagi tujuan pembayaran tuisyen, pembelian peralatan dan juga penyediaan makanan," jelasnya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurut Syed Hamadah, komitmen dalam memperkasa penyaluran bantuan itu turut dapat dilihat melalui kejayaan pelaksanaan Sadaqa House yang dikelola oleh syarikat sekutu kumpulan TH iaitu Bank Islam.

Jelasnya, ia merupakan pemacu kewangan sosial diiktiraf di peringkat global



TH menyahut tanggungjawab untuk menerajui serta memperluas peranan perbankan Islam dalam menyalurkan bantuan lebih teratur kepada golongan memerlukan.

yang menggerakkan dana sosial seperti sedekah dan zakat untuk menjana impak positif segmen yang kurang serta tidak mendapat perkhidmatan kewangan.

Syed Hamadah turut menjelaskan dana daripada inisiatif Sadaqa House berjumlah lebih RM25 juta telah disalurkan untuk meningkatkan kemampuan 1,200 usahawan mikro menerusi program pembiayaan mikro iTEKAD.

"Selain itu, dana Sadaqa House juga dimanfaatkan untuk memelihara kesejahteraan hidup dan pendidikan kepada

hampir 10,000 penerima termasuk 86 anak yatim yang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi serta selebihnya golongan asnaf dan B40 di seluruh negara.

"TH berharap adanya kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat berkaitan pelaburan kerajaan (GLIC) lain dalam inisiatif memperkasa ekonomi Madani ini, lebih banyak syarikat berkaitan kerajaan akan memperuntukkan dana tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi tujuan tersebut," katanya.



“

Selain itu, dana Sadaqa House juga dimanfaatkan untuk memelihara kesejahteraan hidup dan pendidikan kepada hampir 10,000 penerima termasuk 86 anak yatim yang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi serta selebihnya golongan asnaf dan B40 di seluruh negara.”

- Syed Hamadah Syed Othman

SINAR HARIAN

Tarikh: 09 AUG 2024

PKNS lancar projek SA Sentral bulan depan

Siap dalam tempoh
10 tahun membabitkan
kos RM2 bilion

Oleh **IZWAN ROZLIN
SHAH ALAM**

Projek pembinaan Shah Alam Sentral (SA Sentral) milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Seksyen 14 di sini bakal dilancarkan secara rasmi bulan depan.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mahmud Abbas berkata, SA Sentral menjadi projek ikonik pihaknya yang bercirikan bandar bebas karbon, teknologi hijau dan kecerdasan buatan (AI).

Menurutnya, pembangunan semula kawasan pusat bandar yang menelan kos RM2 bilion itu meliputi Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), SACC Mall, Plaza Alam Sentral dan Plaza Perangsang.

"Projek berskala besar ini telah dimulakan dengan proses membaik pulih SACC termasuk parkir di kawasan berkenaan. PKNS ketika ini memfokuskan pembinaan kediaman termasuk kondominium berhadapan projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) di stesen terakhir Dato' Menteri.



Amirudin (duduk, tengah) dan Mahmud (duduk, empat dari kiri) bergambar bersama tetamu kehormat pada Majlis Sambutan 60 Tahun PKNS di Pusat Konvensyen Shah Alam pada Khamis.



"Projek peremajaan pusat bandar Seksyen 14 ini dilancarkan bulan depan dan dijangka siap dalam tempoh lapan hingga 10 tahun," katanya pada sidang akhbar pada Forum Peluang Hartanah Selangor Pembuktian Masa Depan di Pusat Konvensyen SACC pada Khamis.

Program bersempena sambutan ulang tahun ke-60 PKNS yang disertai 300 tetamu daripada pelbagai sektor itu dirasmikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

SA Sentral yang bakal menjadi daerah pusat perniagaan (CBD) di atas tanah seluas 64.7 hektar itu turut menampilkan pembangunan komersial, pejabat, taman rekreasi,

perpustakaan perniagaan dan pusat pameran antarabangsa.

Menurut Mahmud, projek itu dijangka hanya melibatkan perobohan SACC Mall bermula hujung 2026.

"Berdasarkan perancangan awal, pusat beli-belah itu akan dirobohkan bagi pembinaan sebuah pusat pameran bertaraf antarabangsa.

"Lebih 100 peniaga SACC Mall sudah dimaklumkan mengenai perkara itu dan mereka akan dipindahkan ke Plaza Alam Sentral atau pusat beli-belah Datum Jelatek," ujarnya.

Beliau mengakui perniagaan di pusat membeli-belah itu tidak membawa keuntungan selepas Covid-19 kerana peniaga berubah kepada perniagaan secara dalam talian.

SINAR HARIAN

Tarikh:09 AUG 2024.

Rumah mampu milik: Rehda harap lebih banyak penyelesaian bersasar

918 8nd

KUALA LUMPUR - Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) berharap lebih banyak penyelesaian bersasar berbanding pendekatan satu penyelesaian untuk semua bagi memenuhi keperluan rumah mampu milik.

Presidennya, Datuk Ho Hon Sang berkata, walaupun terdapat syarat-syarat mandatori yang berbeza antara negeri, cabaran yang perlu ditangani adalah penawaran dan permintaan yang tidak sepadan.

"Kita komited untuk menyediakan rumah mampu milik tetapi tumpuan harus diberikan kepada lokasi yang betul.

"Sesetengah kawasan memerlukan lebih banyak unit sedemikian manakala kawasan lain kurang memerlukan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis susulan gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi pelaksanaan konsep perumahan MADANI untuk memenuhi keperluan penjawat awam dan perumahan golongan B40 dan M40.

Menurut laporan terbaharu Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), 28.6 peratus rumah siap belum terjual di Malaysia pada suku pertama 2024 (S1 2024) berharga di bawah RM300,000.

Hon Sang berkata, satu lagi cabaran utama adalah kenaikan kos.

Tinjauan Industri Hartanah Rehda Separuh Kedua 2023 dan Tinjauan Pasaran bagi



Rehda berharap lebih banyak penyelesaian bersasar berbanding pendekatan satu penyelesaian untuk semua bagi memenuhi keperluan rumah mampu milik. - Gambar hiasan

2024 yang dikeluarkan pada Mac 2024 menunjukkan purata kenaikan kos menjalankan perniagaan adalah kira-kira 15 peratus pada suku kedua 2023 berbanding 13 peratus pada suku kedua 2022.

Beliau berkata, pemaju memberi subsidi silang perumahan mampu milik, yang menaikkan harga unit pasaran bebas, untuk mengekalkan harga rumah mampu milik di bawah kos pembinaan.

"Syarat-syarat yang dicadangkan, iaitu satu atau dua blok penuh perlu dijadikan perumahan MADANI dan bukannya peratusan yang ditetapkan, sudah tentunya akan menyebabkan harga pasaran bebas terus meningkat lagi bagi mereka yang tidak layak untuk perumahan mampu mi-

lik," kata Hon Sang.

Ini termasuk kumpulan M40 yang pendapatannya lebih tinggi daripada ambang kriteria yang layak, katanya.

Beliau berkata, Rehda mencadangkan penubuhan amanah perumahan mampu milik nasional dengan pemaju menyumbang peratusan tertentu daripada nilai pembangunan kasar (GDV) mereka kepada amanah tersebut.

"Jawatankuasa amanah yang dianggotai wakil daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pihak berkuasa negeri dan Rehda boleh menganalisis bahagian mana di bandar atau negeri yang mempunyai permintaan tinggi bagi rumah mampu milik," katanya.

- Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh:0.9.AUG.2024..

PLUS tunai zakat perniagaan RM2 juta di Selangor

Kosmo 9/8

PETALING JAYA – PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menunaikan zakat perniagaan berjumlah RM2 juta kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

PLUS dalam kenyataan di media sosial semalam berkata, sumbangan itu diharap sedikit sebanyak membantu meringankan beban asnaf di Selangor.

"Ini (RM2 juta) merangkumi jumlah keseluruhan sebanyak

RM124 juta bantuan zakat pada tahun pendapatan 2023 yang telah disalurkan oleh PLUS kepada 12 lembaga zakat negeri pada tahun ini bagi menyantuni asnaf di sepanjang lebuhraya kendaliannya," katanya.

Menurut PLUS, zakat perniagaan RM2 juta tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar kepada Lembaga Zakat

Selangor semalam.

Kata PLUS, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor, Mohd. Sabirin Mohd. Sarbini mewakili Lembaga Zakat Selangor menerima sumbangan tersebut.

"Penyerahan disaksikan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari bersempena Kunjungan Hormat Pengarah Urusan PLUS ke Pejabat Menteri Besar Selangor," katanya.



AMIRUDIN (tengah) menyaksikan penyerahan zakat perniagaan daripada PLUS kepada LZS di Pejabat Menteri Besar Selangor di Shah Alam kelmarin.

KOSMO

tarikh: 09 AUG 2024

Tawaran pekerjaan, peluang perniagaan banyak jadi tarikan

Selangor 'lubuk emas' warga asing

Oleh MOHAMAD NAUFAL
MOHAMAD IDRIS

SHAH ALAM – Kemajuan yang dicapai Selangor sehingga digelar sebagai 'lubuk emas' antara faktor negeri itu terus menjadi tumpuan warga asing untuk tinggal dan mencari rezeki.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan negeri, Datuk Ng Suet Lim berkata, peluang pekerjaan dan perniagaan yang banyak turut menarik penduduk dari negeri-negeri lain mencuba nasib di Selangor.

Bagaimanapun, beliau menegaskan segala urusan berkaitan kemasukan dan pemeriksaan warga asing dikendalikan Jabatan Imigresen (JIM) dan polis.

"Memang warga asing (ramai), namun pihak berkuasa tempatan (PBT) tiada kuasa. Kita akan bekerjasama dengan imigresen dan polis dalam melaksanakan sebarang operasi berkaitan.

"Kebanjiran warga asing adalah kerana negeri ini lubuk rezeki atau 'lubuk emas'. Ramai yang datang ke Selangor termasuk bukan sahaja warga asing, malah



SEBAHAGIAN warga asing yang tinggal di Taman Alam Jaya di Puncak Alam, Kuala Selangor. – SADDAM YUSOFF

penduduk dari negeri lain," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat Jawatankuasa Pengeragaman Jawatankuasa Induk Majlis Pembangunan Selangor Greater Klang Valley (SGKV) di sini, semalam.

Suet Lim menegaskan, beliau

menyedari banyak persoalan di timbulkan penduduk tempatan berhubung konteks warga asing ini apabila mempersoalkan kebanjiran mereka (warga asing) di sesetengah tempat.

"Itu ramai prihatin mengenainya. Kita akan akan salurkan



KERATAN Kosmo! 6 Ogos 2024.

kepada imigresen dan polis untuk buat tindakan bersepadu jika



KERATAN Kosmo! semalam.

ada (aduan kebanjiran warga asing sesebuah lokaliti)," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan bahawa operasi penguatkuasaan sentiasa dilakukan PBT bagi memastikan kelestarian sesuatu kawasan tersebut daripada anasir peniaga tanpa lesen termasuk warga asing.

"Kalau mereka berniaga di tepi jalan dan sebagainya tanpa lesen, kita boleh buat penguatkuasaan. Ini termasuk kalau dia (warga asing) adalah pemilik kedai, maka kita akan sita.

"Tetapi kalau mereka saja datang kerja di kawasan pembinaan dan sebagainya, itu Imigresen dan polis ada kuasa untuk lakukan pemeriksaan," katanya.

KOSMO

Tarikh: 09 AUG 2024

Pekerja wajar tampilkan inovasi, kreativiti

Kuala Lumpur: Pekerja dalam semua sektor di negara ini perlu terus melengkapkan diri dengan inovasi dan kreativiti, sejajar usaha menjadi tenaga kerja mahir, kata Datuk Seri Fadillah Yusof.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kumpulan itu wajar memberi perhatian kepada aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) supaya kadar pertumbuhan dan ekonomi negara mampu dipertingkatkan.

Beliau berkata, ia juga bertujuan memastikan Malaysia kekal berdaya saing, sekali gus mengembalikan kecemerlangan negara seperti jolokan 'Harimau Asia' satu ketika dahulu.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air turut menyarankan tenaga kerja di sektor 3D (kotor, bahaya serta sukar) memperkasa semua elemen, terutama bagi menarik minat lebih ramai menyertai profesyen dalam bidang berkenaan.

"Tumpuan kita bukan sekadar bekerja, sebaliknya perlu meningkatkan inovasi dan kreativiti. Maknanya, apabila kita ma-



Fadillah (tengah) bersama penerima Sijil Kemahiran Malaysia IWK pada majlis konvokesyen di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

hir dan bidang tertentu seperti (dalam bidang) kumbahan yang bertanggungjawab memastikan kebersihan negara dipertingkatkan.

"Ketika bekerja, mereka perlu sentiasa berfikir mengenai kemahiran secara kritis dan kreatif mengenai permasalahan dihadapi dalam bidang kerjaya masing-masing walaupun sudah terbiasa melakukan perkara yang dilatih.

"Kita perlu fikir bagaimana

untuk mempermudah serta memperincikan kerja menerusi kreativiti untuk mencari penyelesaian, sama ada melalui sistem, peralatan atau bahan yang perlu dilaksanakan," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Konvokesyen Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), di sini semalam.

Fadillah berkata, mereka juga perlu konsisten meningkatkan mutu kerja dan tidak mudah ber-

puas hati atau selesa dengan pencapaian diterima baik di peringkat domestik mahupun global.

Katanya, tenaga kerja wajar sentiasa meningkatkan ilmu dan kemahiran mengurus diri, keluarga, masyarakat atau organisasi, terutama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pekerja, sama ada di peringkat pengurusan, sokongan mahupun bidang kepakaran.

BERITA HARIAN

Tarikh.....0..9..AUG..2024...

JPKK sedia laporan pekerja sokongan dieksploitasi

9/8 BH

Kuala Lumpur: Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan (JPKK) akan membawa hasil laporan penyelidikan 2024 yang dijalankan pihaknya untuk pertimbangan Jawatankuasa Pilihan Khas (JPKK) Dewan Rakyat bagi menghapuskan sistem kontrak bagi pekerja sokongan di sekolah.

Laporan mengenai pekerja kontrak di sekolah dijalankan antara Disember hingga Mac tahun lalu, membabitkan 453 pekerja kontrak di 85 sekolah di Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Penyelaras JPKK, Christine Gabriel, berkata pihaknya belum mempunyai tarikh untuk bertemu pihak berkaitan bagi menghantar hasil laporan selain memperoleh maklum balas Kementerian Pendidikan (KPM) untuk pertemuan dalam masa terdekat.

"Kami sedang berusaha berhubung JPKK dan pada masa sama berharap mendapat sokongan kerajaan untuk melancarkan laporan ini.

"Isu eksploitasi kakitangan sokongan kontrak di sekolah semakin meruncing selepas kakitangan diserahkan kepada pengurusan swasta sejak pertengahan 1990-an," katanya pada Majlis Pencerahan Kajian Pencabulan Hak Pekerja dan Ketidakjaminan Kerja dalam kalangan Pekerja Kontrak Kerajaan di sini, semalam.

Isu diskriminasi pekerja sokongan am seperti tukang sapu, pengawal keselamatan dan tukang kebun di sekolah dan hospital meruncing apabila hospital menswastakan pekerjaan itu pada 1983, diikuti pekerja sedemikian di sekolah pada 1997 apabila fungsi mereka disalurkan kepada sektor swasta.

Sejak itu, mereka menghadapi tempoh kontrak singkat, tempoh bekerja lebih lama, dwitugas (tugas tukang kebun dan pengawal keselamatan), gaji tidak berubah dan gaji minimum tidak dibayar serta penganiayaan berkaitan buruh.

Christine berkata, JPKK mahu kerajaan mengambil langkah segera atau meneliti cadangan dikemukakan pihaknya.

"Penyelidikan kami mendapati ada kontraktor mendapat kontrak dengan cara yang tidak mematuhi Akta Pekerjaan Malaysia 1995.

"Kami harap kerajaan dapat meneliti data kajian kami, selain membuat pembaharuan bagi penyerahan pratender, pembaharuan undang-undang, pembaharuan dasar pemerkasaan hak asasi manusia, pemantauan tender dan pembaharuan institusi," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 09 AUG 2024

Sedia tangani ancaman teknologi komputer kuantum

9/8
BH

Kuala Lumpur: Negara perlu bersedia dan proaktif dalam mengadaptasi serta melindungi diri daripada potensi ancaman yang timbul daripada teknologi pengkomputeran kuantum.

Teknologi pengkomputeran kuantum merujuk kepada pengembangan komputer yang menggunakan prinsip fizik kuantum, seperti superposisi dan keterikatan kuantum.

Komputer kuantum menggunakan qubit, tidak seperti komputer biasa yang menggunakan bit sebagai unit asas data.

Pensyarah di Institut Analitik Data Raya dan Kepintaran Buatan (IBDAAI), Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Dr Azlan Ismail, berkata bagi mengadaptasi teknologi masa hadapan ini, negara perlu mengambil langkah strategik termasuk meningkatkan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memahami teknologi ini serta mengembangkan aplikasi yang relevan.

Katanya, pendidikan dan latihan khusus dalam bidang sains kuantum untuk melahirkan tenaga pakar yang kompeten juga perlu dirangka dan dijalankan secara komprehensif.

"Selain itu, membangunkan infrastruktur teknologi yang diperlukan untuk menyokong perkembangan dan penggunaan teknologi kuantum serta menggalakkan kerjasama dengan negara-negara maju dalam teknologi kuantum untuk berkongsi pengetahuan dan sumber," katanya kepada BH.

Azlan menambah, meskipun pengkomputeran kuantum memberi kebaikan, namun ia datang dengan cabarannya tersendiri, termasuk pembangunan dan penerapan teknologi ini memerlukan pelaburan awal yang sangat tinggi dalam R&D, pendidikan dan infrastruktur.

"Ini boleh menjadi beban kewangan kepada negara yang kurang mampu dan juga memberi kesan dalam bidang pekerjaan.

"Dengan automasi dan keupayaan pengkomputeran kuantum yang tinggi, beberapa pekerjaan mungkin menjadi usang, mengakibatkan peralihan pasaran pekerjaan yang memerlukan latihan semula dan penyesuaian yang signifikan.

"Lebih membimbangkan, jika berlaku serangan siber menggunakan pengkomputeran kuantum, ia boleh menjejaskan sistem kewangan dan ekonomi digital negara, mengakibatkan kerugian kewangan dan mengganggu kestabilan ekonomi," katanya.

BERITA HARIAN
09 AUG 2024
Tarikh.....

KSN bersama 98 84 penjawat awam realisasi reformasi ekonomi, institusi

Pelantikan Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) baharu, menggantikan Tan Sri Mohd Zuki Ali bersara wajib esok menjadi langkah penting memastikan kelangsungan dan peningkatan kualiti perkhidmatan awam di negara ini. Kita merakamkan penghargaan kepada Mohd Zuki atas sumbangan kritikal dalam melicinkan tadbir urus negara, termasuk ketika Malaysia mengalami kemelut politik dan pandemik COVID-19, sekali gus membuktikan profesionalisme penjawat awam dengan menunjukkan kesetiaan kepada kerajaan semasa meskipun berkhidmat kepada empat Perdana Menteri daripada parti berlainan dan tiga kerajaan berbeza bermula Tun Dr Mahathir Mohamad, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan kini, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Justeru, kita berharap Shamsul Azri dengan pengalaman luas 30 tahun dalam perkhidmatan awam, menggalas tanggungjawab besar memacu sektor awam sejajar aspirasi Malaysia MADANI dalam usaha merealisasikan dasar penting seperti Ekonomi MADANI sebagai serampang pembangunan dua mata, iaitu menaikkan siling negara dengan menstruktur semula ekonomi dan meningkatkan lantai kehidupan rakyat bagi memperoleh kehidupan berkualiti. Ini pastinya memerlukan seratus peratus komitmen dan usaha penjawat awam dengan KSN boleh diibaratkan bagaimana acuan begitulah kuihnya, bagaimana contoh begitulah gubahannya.

Bagaimanapun, kita mengingatkan antara cabaran utama perlu diberi perhatian ialah isu integriti dan ketelusan dalam perkhidmatan awam. Ini kerana pembaziran, ketirisan dan salah guna kuasa seperti daripada sorotan berita, bahkan data Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan menunjukkan hal itu menjadi 'duri dalam daging' bukan sahaja menjejaskan kredibiliti kerajaan di mata rakyat, bahkan merencatkan, mengganggu dan melambatkan pembangunan negara. Kita berharap pelantikan KSN baharu ini menjadi sebahagian reformasi institusi dilakukan kerajaan, sekali gus membawa perubahan menyeluruh kepada sikap dan budaya kerja penjawat awam.

Dalam konteks pembangunan negara terutama menarik pelaburan asing, Malaysia berdepan persaingan sengit seperti Indonesia dan Vietnam yang menarik pelaburan besar melalui reformasi ekonomi dan pengurangan kerenah birokrasi. Malaysia tidak boleh ketinggalan dengan penjawat awam berperanan penting memastikan tadbir urus tidak diganggu kerenah birokrasi dan pita merah tidak diperlukan, selain kerjasama ampuh merentas kementerian dengan KSN pastinya mempunyai tanggungjawab penting dalam kedua-dua perkara ini.

Kita mengambil kesempatan ini meminta KSN baharu memperhatikan aspek pembangunan modal insan dalam perkhidmatan awam memabitkan perubahan pesat dalam teknologi Revolusi Industri 4.0 terutama kecerdasan buatan (AI). Latihan profesional dan pembangunan kemahiran baharu berterusan diperlukan untuk penjawat awam mempunyai keupayaan memastikan perkhidmatan dapat disampaikan kepada rakyat terutama dalam usaha kerajaan melaksanakan pembaharuan seperti penyasaran subsidi, selain memastikan pembangunan negara dapat dipacu merentasi pelbagai cabaran getir. Pada masa sama, kita meminta warga perkhidmatan awam memberikan sokongan penuh kepada KSN baharu kerana kebersamaan dan kerjasama semua adalah kunci membuka pintu menuju negara berpendapatan tinggi dan maju, sekali gus membawa Malaysia ke tahap lebih tinggi dari segi ekonomi, sosial dan pendidikan.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 09 AUG 2024

Inisiatif jadi pemangkin industri bernilai tinggi

Kuala Lumpur: Komitmen pelaburan RM120 bilion oleh enam syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) utama negara menerusi Program GEAR-uP dijangka memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara, kata penganalisis.

Malah, jika dilaksanakan dengan baik, ia berpotensi memangkin industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HG-HV) di negara ini.

Penganalisis ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata untuk menjadi ekonomi yang berdaya maju, ekonomi domestik harus dijana oleh pe-

laburan domestik berskala besar terutama oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan GLIC.

Beliau berkata, syarikat perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) memerlukan pelaburan untuk menjadi entiti yang berjaya dan berpotensi disenaraikan sebagai syarikat awam kelak.

"Begitu juga pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta mengkomersialkan produk dan perkhidmatan yang dicipta oleh syarikat milik Malaysia.

"Ini sekiranya dilaksanakan dengan baik akan menjadi om-

918 67
bak merubah ekonomi negara kepada industri yang memiliki HG-HV seperti sektor peralihan tenaga dan pembuatan canggih terutamanya dalam bidang semikonduktor, pusat data dan kecerdasan buatan (AI)," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian bagi mengulas impak komitmen pelaburan langsung domestik (DDI) sejumlah RM120 bilion oleh enam GLIC dalam lima tahun akan datang di bawah fasa pertama Program GEAR-uP.

Tingkat potensi industri

Sementara itu, Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Pernia-

gaan (MBA) dari Putra Business School (PBS), Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, melihat Program GEAR-uP akan memberi kesan positif yang ketara kepada ekonomi dan perniagaan di negara ini.

Beliau berkata, ia dijangka akan membantu meningkatkan potensi industri tempatan untuk berkembang dengan lebih pesat dan menjadi lebih berdaya saing.

"Ini akan membantu mengukuhkan pasaran saham dan juga ringgit. Sektor tumpuan ialah syarikat bermodal kecil dan sederhana yang tersenarai.

"Industri yang patut diutama-

kan ialah teknologi tinggi, tenaga boleh baharu, nadir bumi, agroanggota, agro makanan dan kewangan Islam," katanya.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata kerjasama di antara GLIC seharusnya akan dapat merancakkan ekosistem pelaburan di Malaysia.

Beliau berkata, dengan kerjasama itu akan memudahkan firma untuk mendapat akses kepada dana daripada GLIC dan menjadi suatu mangkin kepada pertumbuhan pelaburan swasta dan juga pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 09 AUG 2024

Gaji permulaan sektor swasta ikut Dasar Gaji Progresif

Majikan naikan upah berdasarkan ketetapan layak dapat insentif

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gaji permulaan yang perlu dipatuhi majikan sektor swasta ditetapkan oleh kerajaan menerusi Dasar Gaji Progresif.

Menteri Ekonomi, Rafizi

Ramli, berkata banyak pihak tidak mengetahui kerajaan menetapkan gaji permulaan sektor swasta menerusi dasar itu.

"Kita sering merungut mengenai gaji tetapi apabila ada peluang kenaikan gaji, kita tidak gunakan."

"Majikan yang menaikkan gaji untuk mematuhi tangga gaji berkenaan layak mendapat insentif gaji progresif yang perlu dibayar kepada pekerja supaya kenaikan itu ditanggung kerajaan," katanya menerusi ciapan di



Rafizi Ramli

platform X, semalam.

Gaji ahli nujum RM2,205

Menerusi perkongsian itu, Rafizi turut mendedahkan kadar gaji permulaan mengikut kelayakan di bawah Dasar Gaji Progresif, iaitu jurutera mekanikal (RM3,380 sebulan), jurutera awam (RM3,115), Akauntan dan juruaudit (RM3,280); ahli nujum (RM2,205) dan juruteknik kejuruteraan awam (RM2,470).

Beliau berkata, senarai pe-



Banyak pihak tidak mengetahui kerajaan menetapkan gaji permulaan sektor swasta menerusi Dasar Gaji Progresif.

(Foto hiasan)

nuh gaji permulaan di bawah Dasar Gaji Progresif, Buku Panduan Gaji Pokok Permulaan dan Kenaikan Tahunan boleh dimuat turun daripada pautan <https://gajiprogresif.gov.my>.

Menjawab pertanyaan seorang pengikutnya berhubung kedudukan gaji ahli nujum yang

turut dikongsi, Rafizi menyatakan: "Yeap, ada dalam kod pekerjaan rasmi negara."

Ciapan itu turut disusuli emoji ketawa.

Semakan BH mendapati, tangga gaji ahli nujum itu tersenarai bersama tukang tilik di bawah kod MASCO4D 5161.

BERITA HARIAN
Tarikh... 09 AUG 2024...

SPRM terima 70 peratus aduan babit perolehan awam

Kuala Lumpur: Sebanyak 70 peratus daripada aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sehingga Julai tahun ini berkaitan dengan perolehan awam, kata Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Norazlan Mohd Razali.

Beliau berkata peratusan ini menunjukkan peningkatan daripada 69 peratus pada 2023 dan 67 peratus pada 2022.

Norazlan berkata, dalam banyak kes perolehan awam yang sedang disiasat, SPRM juga mendapati bahawa kebanyakan kesalahan rasuah berkaitan dengan

gan penyalahgunaan kuasa, meminta atau menerima rasuah dan kelulusan tuntutan untuk kerja atau perkhidmatan yang tidak sepenuhnya dilaksanakan atau bekalan yang tidak dihantar sepenuhnya.

"Semua ini menyebabkan dana yang sepatutnya digunakan untuk barangan dan perkhidmatan awam terbuang melalui kontrak yang terlalu mahal, kualiti barangan dan perkhidmatan dikompromikan



Norazlan Mohd Razali

semalam.

melalui penggunaan bahan yang inferior dan pembinaan yang tidak standard, serta perkhidmatan yang tidak boleh dipercayai, menimbulkan risiko kepada kesejahteraan dan keselamatan awam," katanya dalam ucapan pembukaan pada Persidangan Perolehan Nasional ke-10 2024,

Rosakkan integriti awam

Beliau berkata, perlakuan rasuah sedemikian mempunyai kesan buruk terhadap aspek ekonomi dan sosial serta menyebabkan pembaziran sumber dan peluang yang terlepas, akhirnya mengurangkan kepercayaan awam terhadap kerajaan

dan merosakkan integriti awam yang diperlukan untuk memajukan kebaikan awam.

Namun, beliau berkata, memerangi rasuah yang membabitkan perolehan awam sentiasa menjadi satu daripada fokus strategik utama SPRM selama ini untuk mengelakkan kebocoran dan meningkatkan hasil negara.

Ini terbukti melalui penganjuran 126 program yang memberi tumpuan kepada menonjolkan rasuah dalam perolehan termasuk ceramah, kuliah, seminar dan forum yang membabitkan sektor awam dan swasta, serta syarikat berkaitan kerajaan.

Tambahan pula, Norazlan berkata, pada 2022, SPRM melalui Bahagian Penyiasatan Tadbir Urus telah membuat 113 syor kepada agensi kerajaan, 65 daripadanya dibuat tahun lalu dan 17 lagi sehingga Julai tahun ini.


"Memandangkan banyak proses ini kini diuruskan oleh manusia, terdapat keperluan untuk teknologi bagi mengawal tingkah laku manusia dan mengurangkan peluang untuk rasuah. Sistem seperti e-Perolehan, menawarkan penyelesaian yang mempermudah proses perolehan, bertindak sebagai pemangkin untuk inovasi dan merevolusikan amalan perolehan melalui integrasi kecerdasan buatan, blockchain dan pengkomputeran awan, yang menghasilkan proses perolehan yang jauh lebih efisien.

"Selain itu, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai keupayaan perolehan melalui latihan dan pembangunan, meningkatkan standard etika dan campur tangan antirasuah dalam perolehan," katanya. BERNAMA

Ibadat&Fadilat

Abu Darda' RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Tidak sanggupkah kamu membaca sepertiga al-Quran dalam semalam?" Mereka bertanya: "Bagaimana cara membaca sepertiga?" Nabi SAW menjawab: "Qul huwallahu ahad (surah al-Ikhlâs) sama dengan sepertiga al-Quran." (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:02	1:27	4:43	7:36	8:49
Alor Setar	6:02	1:26	4:43	7:36	8:48
P. Pinang	6:04	1:26	4:44	7:35	8:47
Ipoh	6:02	1:24	4:42	7:32	8:44
Kuala Lumpur	6:01	1:22	4:40	7:28	8:40
Shah Alam	6:01	1:22	4:40	7:28	8:40
Johor Bahru	5:55	1:13	4:32	7:17	8:29
Kuantan	5:56	1:16	4:35	7:22	8:33
Seremban	6:01	1:20	4:39	7:26	8:37
Bandar Melaka	6:00	1:19	4:38	7:24	8:36
Kota Bharu	5:56	1:19	4:36	7:28	8:36
K. Terengganu	5:53	1:15	4:33	7:23	8:36
Kota Kinabalu	5:00	12:23	3:41	6:32	7:44
Kuching	5:30	12:48	4:07	6:52	8:04



BERITA HARIAN
Tarikh..... 09 AUG 2024

RM10.49b bangun infrastruktur luar bandar

Putrajaya: Kerajaan melabur RM10.49 bilion untuk membangunkan infrastruktur luar bandar termasuk jalan raya, bekalan elektrik, air dan kemudahan sosial di kampung Orang Asli serta kawasan pedalaman sejak 2020 hingga Jun tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata pelaburan besar ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kemajuan komuniti luar bandar.

"Infrastruktur yang berkualiti tinggi dapat menarik pelaburan, menjana peluang pekerjaan dan menggalakkan amalan pertanian mampan.

"Dengan memberi keutamaan kepada pembangunan infrastruktur luar bandar, kita meletakkan asas bagi pertumbuhan inklusif dan pengurangan kemiskinan," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata demikian ketika berucap pada perasmian Simposium Perancangan dan Pembangunan Desa Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2024, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pe-



Ahmad Zahid bersama Kor Ming selepas merasmikan Simposium Perancangan dan Pembangunan Desa Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

rumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming.

Ahmad Zahid berkata beliau menyedari kepentingan pembangunan infrastruktur luar bandar untuk memajukan sosioekonomi sesebuah negara.

Beliau berkata infrastruktur berkualiti tinggi termasuk jalan raya, jambatan, kemudahan penjagaan kesihatan, sekolah dan ketersambungan digital semua-

nya asas kepada pembangunan luar bandar yang berkesan.

"Infrastruktur yang lebih baik memudahkan akses kepada pasaran, membolehkan petani menjual produk mereka dengan lebih cekap dan mendapatkan harga yang lebih baik," katanya.

"Penjagaan kesihatan dan kemudahan pendidikan yang dipertingkatkan meningkatkan

kualiti hidup, mengurangkan migrasi dari luar bandar ke bandar dan membolehkan penduduk luar bandar menyumbang dengan lebih berkesan kepada ekonomi," katanya.

Ahmad Zahid berkata, adalah penting untuk memanfaatkan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) bagi membawa perubahan besar terhadap ekonomi luar bandar. BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh..... 09 AUG 2024.....

Lebih 7,600 tempat letak kereta disediakan di Dataran Putrajaya

918 BH

80 perkhidmatan bas ulang-alik untuk orang awam saksikan acara sambutan

Kuala Lumpur: Lebih 7,600 tempat letak kereta disediakan untuk kemudahan orang awam sempena sambutan Hari Kebangsaan 2024 yang akan berlangsung di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos ini.

Selain itu, 80 perkhidmatan bas ulang-alik turut disediakan mengikut poster yang dimuat naik di laman sosial maklumat hiburan berkaitan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, Merdeka 360.

Turut disediakan, sebanyak

8,000 tempat duduk awam bertingkat dan 40 trak makanan.

Orang ramai dijemput memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan ke-67 dengan tema 'Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka' bermula jam 7 pagi yang akan diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik.

Antara pengisiannya, termasuk persembahan formasi bras-ben, perarakan aset pasukan keselamatan dan kereta berhias serta persembahan udara Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Persembahan kesenian Malaysia MADANI dan grafik manusia serta tempur tanpa senjata juga akan dipertontonkan.

Orang ramai boleh melayari www.merdeka360.my untuk maklumat lanjut berkaitan sambutan Hari Kebangsaan.

300 motosikal sertai konvoi

Sementara itu di Seremban, sebanyak 300 motosikal dan kereta akan menjelajah tujuh daerah



Jalur Gemilang dipasang di bangunan Istana Kehakiman berhadapan Dataran Putrajaya bersempena kempen sambutan Bulan Kebangsaan.

(Foto BERNAMA)

di Negeri Sembilan sejauh 300 kilometer dalam Kembara Akar Umbi Negeri Sembilan pada 30 Ogos ini sempena sambutan Hari Kebangsaan.

EXCO kanan negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias, berkata kembara yang akan bermula dari Seremban itu bertujuan menaam semangat patriotik dalam

kalangan masyarakat, sekali gus menyemarakkan sambutan tahun ini.

"Kita akan berkumpul seawal 8 pagi di Kampung Pantai Seremban sebelum bergerak menuju Pantai Cahaya Negeri Port Dickson, kemudian kita ke Rembau dan solat Jumaat di Masjid As-Syakirin, sebelum ke Tampin," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, kembara itu juga akan ke Dataran Tebat Kerang, Kuala Pilah sebelum ke Jempol dan acara penutup yang penuh meriah dirancang untuk diadakan di Dataran Jam, Kuala Klang, Jekebu pada jam 9 malam.

Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jekebu berkata, menerusi kembara itu peserta dan orang ramai diharapkan lebih peka dalam menghayati erti kemerdekaan dan meningkatkan keyakinan serta sokongan kepada program dasar dalam Kerajaan MADANI.

BERNAMA

BERITA HARIAN

Tarikh.....0-8-AUG-2024...

Sewa rumah, bilik di Selangor meningkat

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.s@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Penyewa rumah atau bilik di Selangor resah kerana harga sewa bulanan didakwa meningkat antara RM50 hingga RM300 tahun ini.

Pemilik rumah atau bangunan menyatakan kenaikan harga sewaan disebabkan oleh peningkatan kos sara hidup yang mereka sendiri hadapi.

Seorang pelajar kolej swasta, program Diploma Pereka Grafik, A. Tamarin, 20, berkata, sewa bilik di sebuah kondominium di Subang Jaya dinaikkan dari RM900 sebulan kepada RM1,200.

"Keluarga saya bukan sahaja terbeban dengan harga bilik dinaikkan RM300 tetapi juga harga makanan di kebanyakan medan selera di sekitar kediaman saya yang meningkat sehingga RM1," jelasnya.

Katanya, kenaikan sewa bilik menyebabkan dia terpaksa bekerja sambil untuk menampung perbelanjaan hariannya di kolej," kata dengan memberitahu bilik disewanya hanya muatmuat untuk dua orang.

Pelajar tahun akhir jurusan Syariah dan Undang-undang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammad Farhan Mohd Asri, 23, berkata, dia terpaksa mencari rumah sewa baharu selepas pemilik mahu menaikkan sewa rumah RM100 pada bulan berikutnya.

"Saya dan rakan-rakan mula menyewa rumah di Bandar Baru Bangi kerana tidak mendapat kolej kediaman di UKM sejak semester empat.

"Saya menyewa bilik dengan harga RM600 sebulan dan berkongsi dengan seorang lagi, masing-masing membayar RM300. Namun, tuan rumah menghantar WhatsApp memberitahu bahawa harga sewa bilik akan dinaikkan kepada RM700 sebulan," jelasnya.

Seorang penyewa bilik di kawasan Petaling Jaya juga mengalami nasib sama apabila pemilik mahu menaikkan harga sewa biliknya RM50.

Penyewa yang mahu dikenali sebagai Izzati berkata, dia terkejut menerima notis memaklumkan harga sewa bilik dinaikkan



Keluarga saya bukan sahaja terbeban dengan harga bilik dinaikkan RM300 tetapi juga harga makanan di kebanyakan medan selera di sekitar kediaman kami yang meningkat sehingga RM1."

A. TAMARIN

sebanyak RM50.

Sementara itu, seorang ejen dan pemilik hartanah, Nur Fadhilah Sulaiman, 37, berkata kadar sewa rumah atau bilik di Lembah Klang mula meningkat sejak tahun lalu, dengan kenaikan yang lebih drastik selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel pada Jun.

Pelaksanaan dasar ini telah menyebabkan kos barangan asas dan utiliti meningkat, yang akhirnya mempengaruhi kadar sewa.

Menurut beliau, ada pemilik hartanah berhampiran pengangkutan awam seperti LRT dan MRT mengambil kesempatan dengan menaikkan harga sewa sehingga 'menekan' penyewa.

Seorang lagi ejen rumah sewa yang tidak mahu dikenali mengakui harga bilik sewa di kawasan Sunway dan Subang Jaya kini naik ada yang naik sehingga 25 peratus dan bergantung kepada lokasi dan permintaan.

Menurut beliau, kenaikan ini dikatakan berpunca daripada peningkatan kos-kos termasuk utiliti, internet, dan perkhidmatan pembersihan.

"Faktor lain peningkatan permintaan untuk bilik sewa di kawasan tersebut, terutamanya oleh pelajar dan pekerja yang bekerja di sekitar kawasan ini.

"Buat masa ini kos penyelenggaraan dan pembaikan bangunan semakin mahal antara sebab pemilik minta ejen menaikkan harga sewa," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
09 AUG 2024
Tarikh:

Wujudkan badan amanah perumahan mampu milik

9/8
utusan

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (Rehda) Malaysia mencadangkan kerajaan untuk mewujudkan badan amanah perumahan mampu milik nasional di mana pemaju menyumbang sebahagian daripada nilai pembangunan kasar (GDV) mereka kepada amanah tersebut.

Presiden Rehda, Datuk Ir. Ho Hon Sang berkata, badan amanah itu boleh terdiri daripada gabungan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pihak berkuasa negeri, dan beberapa wakil Rehda yang boleh memantau dan menganalisis bahagian bandar atau negeri dengan permintaan tinggi untuk perumahan mampu milik.

Ujarnya, hal ini supaya rumah mampu milik dapat dibina secara strategik di kawasan yang mempunyai permintaan, bukannya kuota tetap yang tidak berdasarkan pasaran sehingga menyebabkan sesetengah kawasan kekurangan dan kawasan lain terlebih sedia.

"Badan tersebut bagi membantu pembeli dalam membeli rumah dan selaras dengan semangat Malaysia Madani, Re-

hda Malaysia menyeru pemain industri lain untuk memainkan peranan mereka.

"Sebagai contoh, bank boleh turut membantu dengan menawarkan pinjaman bersubsidi untuk semua perumahan mampu milik.

"Insentif lain, seperti diskaun dalam caj premium, caj pembangunan, dan Dana Perkhidmatan Pembaikan (ISF) juga akan membantu menjadikan perumahan lebih mampu milik untuk rakyat," katanya.

Dalam pada itu, Rehda Malaysia bagaimanapun amat menyokong sepenuhnya konsep Madani yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam perumahan, yang telah diamalkan selama 40 tahun lalu.

"Melalui kaedah silang-subsidi, pemaju swasta telah berjaya menyediakan sebahagian besar perumahan mampu milik di Malaysia.

"Menjadi keperluan mandatori oleh kerajaan negeri untuk pemaju membangunkan perumahan mampu milik, dengan syarat yang berbeza mengikut negeri," katanya.

Beliau berkata, Rehda menyambut baik semua usaha kerajaan untuk memastikan perumahan dapat diakses oleh se-



HO HON SANG

mua rakyat Malaysia, termasuk golongan B40 dan M40.

"Sebagai contoh, di Kuala Lumpur, pemaju perlu menyediakan 20 peratus perumahan Madani untuk pembangunan yang melebihi lima ekar, seperti yang diperjelaskan dalam Garis Panduan Perancangan Residen-si Madani Kuala Lumpur yang dilancarkan baru-baru ini oleh Menteri Wilayah Persekutuan.

"Harga jualan unit ini adalah antara RM150,000 hingga RM200,000 dengan saiz 700, 750 dan 800 kaki persegi.

"Keperluan ini, serta keper-

luan serupa yang ditetapkan oleh kerajaan negeri lain, mesti dipatuhi sebelum pemaju boleh memperoleh Kebenaran Merancang dari pihak berkuasa tempatan.

Salah satu cabaran yang mungkin timbul akibat keperluan ini adalah ketidaksesuaian antara bekalan dan permintaan," katanya.

Menurut laporan terbaharu Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), sebanyak 28.6 peratus daripada hartanah kediaman yang siap tetapi tidak terjual di Malaysia pada suku pertama 2024 adalah dengan harga bawah RM300,000, menunjukkan ketidaksesuaian bekalan perumahan mampu milik.

Jelas Hon Sang, pihaknya komited untuk menyediakan perumahan mampu milik, tetapi fokus perlu diberikan kepada lokasi yang sesuai, kerana sesetengah kawasan memerlukan lebih banyak unit perumahan mampu milik, manakala kawasan lain memerlukan kurang disebabkan permintaan yang lemah.

"Penyelesaian yang lebih bersasar perlu diambil, bukan pendekatan satu ukuran untuk semua dalam mengenal pasti keperluan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 09 AUG 2024

TH komited inisiatif reformasi syarikat dalam ekonomi Madani

9/8 2024

PETALING JAYA: Lembaga Tabung Haji (TH) komited mendukung aspirasi kerajaan dalam usaha untuk memperkasa ekonomi negara melalui inisiatif reformasi syarikat berkaitan kerajaan selaras dengan rangka kerja Ekonomi Madani.

Inisiatif yang diterajui oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan sinergi gabungan syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) peneraju termasuk TH ini menyasarkan untuk memangkin sektor ekonomi utama negara.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Syed Hamadah Syed Othman berkata, syarikat selaku organisasi pengurusan simpanan patuh syariah bagi tujuan haji menyahut tanggungjawab untuk menerajui serta memperluas peranan perbankan Islam

dalam menyalurkan bantuan lebih teratur kepada golongan memerlukan.

"Kami beriltizam untuk mengukuhkan kelestarian impak sosial negara menerusi instrumen kewangan Islam.

"Sejak penubuhan lebih enam dekad lalu, TH telah menyalurkan zakat berjumlah RM1.37 bilion kepada Majlis Agama Islam negeri-negeri untuk diagihkan kepada golongan asnaf," katanya dalam kenyataan.

Pada 2023, TH telah menyantuni lebih 560,000 asnaf di seluruh negara melalui Program Zakat Wakalah dengan jumlah zakat sebanyak RM30 juta.

Secara keseluruhannya, lebih daripada 1.6 juta asnaf telah menerima manfaat dari Program Zakat Wakalah TH.

Menurut Syed Hamadah, se-

bagai contoh pada tahun 2023, di bawah program 'pembelajaran', TH telah menyalurkan RM10 juta kepada para pelajar dikalangan asnaf di pelbagai rangkaian universiti awam Malaysia bagi tujuan pembayaran tuisyen, pembelian peralatan dan juga penyediaan makanan.

"Komitmen dalam memperkasa penyaluran bantuan ini turut dapat dilihat melalui kejayaan pelaksanaan Sadaqa House yang dikelola oleh syarikat sekutu kumpulan TH iaitu Bank Islam.

"Ia merupakan pemacu kewangan sosial diiktiraf di peringkat global yang menggerakkan dana sosial seperti sedekah dan zakat untuk menjana impak positif bagi segmen yang kurang dan tidak mendapat perkhidmatan kewangan," katanya.

Pada masa yang sama, Syed

Hamadah turut menjelaskan dana dari inisiatif Sadaqa House berjumlah lebih RM25 juta telah disalurkan untuk meningkatkan kemampuan 1,200 usahawan mikro menerusi program pembiayaan mikro iTEKAD.

"TH berharap dengan adanya kerjasama dengan GLC dan GLIC lain di dalam inisiatif memperkasa ekonomi Madani ini, lebih banyak syarikat-syarikat berkaitan kerajaan akan memperuntukkan dana tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi tujuan tersebut," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebanyak enam syarikat GLIC memberi komitmen secara kolektif untuk dana berjumlah RM120 bilion bagi tujuan pelaburan langsung domestik (DDI) dalam tempoh lima tahun akan datang.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 09 AUG 2024

Pusat bandar Seksyen 14 Shah Alam 'diremajakan'

9/8

utusan

Oleh ISKANDAR SHAH
MOHAMED
utusannews@mediamula.com.my

SHAH ALAM: Projek pembinaan Shah Alam Sentral (SA Sentral) menelan kos RM2 bilion oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Seksyen 14 di sini akan dilancarkan secara rasmi bulan depan.

Pembangunan semula kawasan pusat bandar itu meliputi Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), SACC Mall, Plaza Alam Sentral dan Plaza Perangsang.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mahmud Abbas berkata, SA Sentral bakal menjadi projek ikonik bercirikan bandar bebas karbon, teknologi hijau serta kecerdasan buatan (AI).

"Selain itu, PKNS memfokuskan pembinaan kediaman termasuk kondominium berhadapan projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) di stesen Dato' Menteri.

"Projek peremajaan pusat bandar Seksyen 14 itu dilancarkan bulan depan dan dijangka siap lapan hingga 10 tahun," katanya ketika ditemui pada Forum Peluang Hartanah Selangor Pembuktian Masa Depan sempena Ulang Tahun ke-60 sambutan ulang tahun ke-60



MAHMUD Abbas (tengah) bersama Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari melihat sejarah PKNS pada Forum Peluang Hartanah Selangor Pembuktian Masa Depan sempena Ulang Tahun Ke-60 PKNS di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

PKNS semalam.

SA Sentral yang bakal menjadi daerah pusat perniagaan (CBD) di atas tanah seluas 64.7 hektar itu bakal menampilkan pembangunan komersial, pejabat, taman rekreasi, perpustakaan perniagaan dan pusat pameran antarabangsa.

Projek itu meliputi pembinaan The Spine yang menghubungkan Kompleks PKNS,

SACC dan semua kawasan pembangunan tersebut.

Jelas Mahmud, projek tersebut setakat ini dijangka hanya melibatkan perobohan SACC Mall bermula hujung 2026 atau awal 2027.

"Berdasarkan perancangan awal, pusat beli-belah itu akan dirobohkan bagi pembinaan sebuah pusat pameran bertaraf antarabangsa," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, PKNS sebagai sebuah konglomerat besar juga akan menerokai bidang perniagaan baharu selepas usia kepimpinannya kini berusia enam dekad.

"Ia antaranya meliputi sektor berbeza termasuk tenaga boleh diperbaharui, pengurusan sisa, penjagaan kesihatan, hospitaliti dan teknologi," kata beliau.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 09 AUG 2024



The Automated Awareness Safety System cameras will be replaced due to major faults and lack of manufacturer support. FILE PIC

GAZETTED LOCATIONS

RTD to replace Awas cameras in phases

KUALA LUMPUR: The Road Transport Department (RTD) is undertaking a phased replacement of its Automated Awareness Safety System (Awas) cameras at gazetted locations.

Its director-general, Aedy Fadly Ramli, said in a statement that the replacement aligned with the improvements to the existing Awas camera system, which incorporated the latest technology through the Automated Number

Plate Recognition, to ensure better operation.

"The replacement involves the Redflex model cameras, which need to be changed due to major faults and the lack of manufacturer support," he said.

Aedy further said that the operation of Awas cameras aimed to enforce compliance with speed limits and traffic signals, as stipulated under the Road Transport

Act 1987, in line with efforts to reduce road accidents and fatalities.

The RTD, he added, was urging road users to adhere to existing laws and exercise tolerance on the road, prioritising their safety and that of their families.

"This department remains committed to ensuring the safety and wellbeing of road users, striving to maintain the highest standards."

NEW STRAITS TIMES

Tarikh:0.9...AUG...2024....

INCLUSIVE GROWTH

918 NST

'RM10.49b spent on developing rural infrastructure since 2020'

PUTRAJAYA: The government has spent RM10.49 billion from 2020 to June this year on developing rural infrastructure including roads, electricity, water supply and social amenities in Orang Asli villages and remote areas.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said the substantial amount underscored the government's commitment to the uplifting of rural communities.

He highlighted the importance of developing rural areas.

"Why? Because improved infrastructure facilitates easier access to markets, allows farmers to sell their produce more efficiently and secure better prices. It also enhances healthcare and educational facilities, reduces rural-to-urban migration, and enables rural populations to contribute more effectively to the economy.

"By prioritising development, we lay the foundation for inclusive growth and poverty reduction," said Zahid, who is also Rural and Regional Development

Minister, at the 2024 National Symposium on Rural Planning and Development.

Present was Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming.

On the symposium — themed Economic Diversity, Resilient Future; Growing Rural Responsibility — Zahid said it was aimed at showcasing best practices in rural area planning and development.

It featured presentations from members of the Centre on Integrated Rural Development for Asia and the Pacific and representatives from the United Nations Development Programme.

The event also saw the launch of the Spatial Characteristics of Rural Malaysia System (SCHARMs).

Developed by the Housing and Local Government Ministry through PLANMalaysia, SCHARMs allows information on public facilities in rural areas to be obtained and used by agencies and the public.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 04 AUG 2024

EARTH CHOKING WITH WASTE

IN our relentless march towards progress, we have adhered to a model of "take, make, dispose". Malaysians waste 8.3 million metric tonnes of food annually, about 260kg per person.

The increase in solid waste is caused by population growth, lifestyle changes, and rapid urbanisation and development.

It is estimated that Malaysia will run out of space for landfills by 2050.

The issue of waste cannot be tolerated anymore.

Enter the circular economy model where resources are cherished, recycled and used to their fullest potential.

This model challenges us to eliminate waste and pollution, keep products and materials in use for as long as possible, and regenerate our natural systems.

The Ellen MacArthur Foundation said adopting a circular economy could cut greenhouse gas emissions by 22 to 44 per cent by 2050, mitigating the impact of climate change.

The World Economic Forum estimates that transitioning to a circular economy could generate US\$4.5 trillion in economic benefits by 2030, highlighting its potential for sustainable growth.

Governments are recognising



Malaysia will run out of space for landfills by 2050. FILE PIC

the need for a circular economy shift.

In Malaysia, the National Circular Economy Council has agreed to legislative changes for solid waste management.

This legislative push aims to create an act covering the product lifecycle from production to post-consumer use.

Once hailed as a miracle material, plastic has become one of humanity's biggest blunders.

With 91 per cent of plastic waste never recycled, polluting our oceans and landfills, this reality

underscores the need for a shift to bio-based materials.

Innovative concepts such as biomimicry and cradle-to-cradle design are crucial in this transition.

Biomimicry draws inspiration from natural systems and organisms to create efficient and resilient sustainable processes and products for human use.

Cradle-to-cradle design considers the lifecycle of products, ensuring they can be reclaimed or reused at the end of their life, unlike the cradle-to-grave ap-

proach.

Transitioning to a circular economy is not a walk in the park. It is a paradigm shift that demands a radical transformation in how we perceive and interact with resources.

Businesses must embrace sustainable sourcing, opting for materials with minimal environmental impact from responsibly managed sources, while governments must incentivise and support these practices through legislation and infrastructure development.

Offices can implement recycling programmes, reduce paper usage and opt for sustainable office supplies.

Even hawker stalls can contribute by using biodegradable packaging and minimising food waste.

The success of this transformation requires igniting a spark of awareness and responsibility within the public consciousness.

The public must be awakened to the reality that our linear model is a ticking time bomb, depleting finite resources and choking our planet with waste.

**DR PRAVEENA NAIR
SIVASANKARAN**

Senior lecturer
School of Engineering, Faculty of
Innovation & Technology
Taylor's University

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 04 AUG 2024